

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

## Akta 65

# AKTA CUKAI PERJUDIAN 1972

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*

DITERBITKAN OLEH  
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
SECARA USAHA SAMA DENGAN MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD  
DAN PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD  
**2006**

2

## AKTA CUKAI PERJUDIAN 1972

Tarikh Perkenan Diraja ... .. 26 Februari 1972

Tarikh penyiaran dalam *Warta*... .. 29 Februari 1972

### *CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

*Cetakan Semula Yang Pertama* ... .. 1993

*Cetakan Semula Yang Kedua* ... .. 1999



DISEDIAKAN UNTUK PENERBITAN OLEH  
MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD  
DAN DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN KUALA LUMPUR  
2006



**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 65**


**AKTA CUKAI PERJUDIAN 1972**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Cukai perjudian
3. Pindaan kepada undang-undang perjudian

JADUAL



## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 65

### AKTA CUKAI PERJUDIAN 1972

Suatu Akta bagi membuat peruntukan untuk mengenakan cukai perjudian dan untuk perkara-perkara lain yang bersangkutan dengannya.

[1 Mac 1972]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

#### Tajuk ringkas dan pemakaian

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Perjudian 1972 dan hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.

#### Cukai perjudian

2. (1) Menteri Kewangan boleh dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengenakan suatu cukai perjudian berkenaan dengan jumlah wang yang dibayar oleh sesiapa jua sebagai suatu pertaruhan atau suatu pelaburan berkenaan dengan apa-apa perjudian yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan perjudian yang sedang berkuat kuasa.

(2) Sesuatu cukai perjudian yang dikenakan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibayar oleh orang yang membuat pertaruhan atau pelaburan itu dan hendaklah dipungut oleh penganjur perjudian yang dibenarkan itu dan hendaklah dibayar ke dalam hasil Persekutuan.

(3) Menteri Kewangan boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud menjalankan atau menguatkuasakan peruntukan seksyen ini.

(4) Bagi maksud Akta ini—

- (a) sesiapa jua yang membuat apa-apa pembayaran kepada penganjur bagi mendapatkan cip atau barang-barang lain untuk digunakan bagi membuat pertaruhan atau pelaburan berkenaan dengan apa-apa perjudian hendaklah disifatkan telah membuat pertaruhan atau pelaburan dan amaun yang dibayar sedemikian hendaklah disifatkan sebagai amaun yang dibayar sebagai pertaruhan atau pelaburan; dan
- (b) ungkapan “penganjur” itu boleh termasuk seseorang ejen atau pekerja penganjur perjudian itu.

### Pindaan kepada undang-undang perjudian

3. Akta Duti Pertaruhan dan Ambil Tagan 1948 [*Akta 201*], \*Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan 1950-62 [*Akta 252*], Akta Loteri 1952 [*Akta 288*], Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961 [*Akta 494*], Akta Pertaruhan Pool 1967 [*Akta 384*], Ordinan Duti Pertaruhan dan Ambil Tagan Sabah [*Bab 13*] dan Ordinan Perjudian Sarawak [*Bab 138*] dengan ini masing-masing dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual bersama ini.

---

#### JADUAL

[Seksyen 3]

#### I. AKTA DUTI PERTARUHAN DAN AMBIL TAGAN 1948

##### Pindaan seksyen 2

1. Seksyen 2 dalam Akta di atas dengan ini dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan “such duty, being not more than twenty” yang terdapat dalam subseksyen (1) dan menggantikannya dengan perkataan “a duty which shall be such”; dan

---

\*CATATAN—Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan 1950-62 [*Akta 252*] telah dimansuhkan – lihat seksyen 3 Akta 470.

*Cukai Perjudian*

7

- (b) dengan memotong perkataan “such duty, being not more than thirty” yang terdapat dalam subseksyen (2) dan menggantikannya dengan perkataan “a duty which shall be such”.

II. AKTA LEMBAGA LOTERI PERKHIDMATAN  
MASYARAKAT DAN KEBAJIKAN 1950-62

**Pemansuhan dan penggantian seksyen 20**

1. Seksyen 20 dalam Akta di atas dengan ini dimansuhkan dan digantikan dengan seksyen baharu yang berikut—

“Duty.

20. There shall be charged upon the total amount raised by each lottery promoted by the Board under the provisions of section 8 a duty of such per centum of the said total amount as the Minister of Finance may from time to time fix by order published in the *Gazette*; the said duty shall be payable by the Board into the Consolidated Fund of the Federation.”.

III. AKTA LOTERI 1952

**Pindaan seksyen 8**

1. Subseksyen 8(1) dalam Akta di atas dengan ini dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan “of twenty per centum” yang terdapat dalamnya; dan
- (b) dengan memasukkan koma dan perkataan, “which duty shall be such per centum of the said total amount as the Minister of Finance may from time to time fix by order published in the *Gazette*” selepas sahaja angka “7” yang terdapat dalamnya.

IV. AKTA PERLUMBAAN (LEMBAGA TOTALISATOR) 1961

**Pindaan subseksyen 17(1)**

1. Syarat kepada subseksyen 17(1) dalam Akta di atas dengan ini dipinda—
- (a) dengan menggantikan koma bernoktah yang terdapat di hujung perenggan (ii) dalam syarat tersebut dengan noktah; dan
- (b) dengan memansuhkan perenggan (iii) dalam syarat tersebut.

V. AKTA PERTARUHAN POOL 1967

**Pindaan seksyen 4**

1. Seksyen 4 dalam Akta di atas dengan ini dipinda dengan memotong perkataan “Yang di-Pertuan Agong” yang terdapat dalam subseksyen (2) dan menggantikannya dengan perkataan “Menteri”.

**Pindaan seksyen 28**

2. Seksyen 28 dalam Akta di atas dengan ini dipinda dengan memotong perkataan “Yang di-Pertuan Agong” yang terdapat dalamnya dan menggantikannya dengan perkataan “Menteri”.

VI. ORDINAN DUTI PERTARUHAN DAN AMBIL  
TAGAN SABAH

**Pindaan seksyen 3**

1. Seksyen 3 dalam Ordinan di atas dengan ini dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan “two and a half per centum of the amount of the bet” yang terdapat dalam subseksyen (1) dan menggantikannya dengan perkataan “such per centum of the amount of the bet as the Minister may from time to time fix by order published in the *Gazette*”; dan
- (b) dengan memotong perkataan “seven and a half per centum of the amount contributed towards such sweepstake” yang terdapat dalam subseksyen (2) dan menggantikannya dengan perkataan “such per centum of the amount contributed towards such sweepstake as the Minister may from time to time fix by order published in the *Gazette*”.

**Pemansuhan seksyen 8A**

2. Seksyen 8A dalam Ordinan di atas dengan ini dimansuhkan.

VII. ORDINAN PERJUDIAN SARAWAK

**Pindaan seksyen 27**

1. Seksyen 27 dalam Ordinan di atas dengan ini dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan “Governor in Council” yang terdapat dalam baris satu dalam subseksyen (1) dan menggantikannya dengan perkataan “Minister of Finance”;



*Cukai Perjudian*

9

- (b) dengan menggantikan perkataan “may” yang terdapat dalam baris satu dalam subseksyen (2) dengan perkataan “shall”;
  - (c) dengan memotong koma dan perkataan “, not exceeding twenty per cent of” yang terdapat dalam subseksyen (2) dan menggantikannya dengan perkataan “on”;
  - (d) dengan memasukkan yang berikut selepas sahaja perkataan “Government” yang terdapat dalam subseksyen (2)—

“of Malaysia, and that the said tax shall be such per centum of the amount of the said gross receipts as the Minister of Finance may from time to time fix by order published in the *Gazette*.”;
  - (e) dengan menggantikan noktah bertindih yang terdapat selepas sahaja perkataan “evasion of the payment thereof” dalam subseksyen (2) dengan noktah;
  - (f) dengan memansuhkan syarat kepada subseksyen (2); dan
  - (g) dengan memansuhkan subseksyen (5).
-

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 65**

**AKTA CUKAI PERJUDIAN 1972**

**SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A272	Akta Cukai Perjudian (Pindaan) 1975	01-02-1975

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 65**

**AKTA CUKAI PERJUDIAN 1972**

**SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A272	01-02-1975